

BULETIN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



senada

ISSN 0127-1741 • Edisi Khas | Sept.- Nov. 2016

Bil. • 400

www.ukm.my

EDISI KHAS
KONVOKESYEN
UKM KE-44
2016





Prof. Widhiawati Ratihom
Pakar Genetik, Tumbuhan &
Teknologi



Prof. Dr. Sari Dr. Mahrifah Ismail
Pakar Biologi, Pengurusan
Rumah, dan Bioteknologi



Prof. Dato' Dr. Sharifah Mastura
Syed Abdurach
Pakar Biologi dan Sains



Prof. Dato' Dr. Ruszymah
Hjidrus
Pakar Tissue Kuit



Prof. Dr. Sorani Zakaria
Pakar Bahan Biosumber
(Lignoselulosa)



Prof. Dr. Goh Bee See
Pakar Tissue Engineering



Dr. Chan Hoi Yen
Pakar Tumbuhan Setera &
Pengurusan Perikanan



Prof. Dr. Aqih Mohamed



Prof. Ir. Dr. Zahira Yakob
Pakar Persekitaran Hidrogen
dan pada Biomethane

saintis wanita
UKM



UKM dan DNA Berkolaborasi Penyelidikan Penambakan

Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Dato' Ir. Dr. Nik Mohd Kamel Nik Hassan, Pengarah Urusan Dr. Nik and Associates (DNA) telah memeterai perjanjian persetujuan (MoA) dalam usaha memperkasakan ilmu melalui kerja-kerja penyelidikan berasaskan penambakan tanah dan industri.

Menurut Prof. Noor Azlan, kerjasama ini memperlihatkan kepercayaan yang diberikan oleh pihak DNA kepada UKM. Melalui perjanjian tersebut, pihak DNA telah bersetuju untuk menaja jawatan Profesor Alam Sekitar Wan Fatimah di UKM dengan jumlah sumbangan sebanyak RM728,000 bagi tempoh dua tahun. Jawatan ini, yang akan disandang oleh Prof. Dato' Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah, Pengarah Institut Perubahan Iklim UKM, adalah bertujuan untuk menggalakkan pengembangan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang kelestarian alam sekitar.

Antara projek yang bakal merealisasikan perkongsian kepakaran ini adalah projek penambakan bagi pembesaran Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor. Bahan korekan dari Sg. Pulai akan diguna semula untuk dijadikan sumber bahan tambakan

untuk kerja penambakan. Kawasan seluas satu ekar ini akan dijadikan projek rintis untuk menguji keberkesanan penggunaan kaedah penambakan menggunakan *spoil material* atau kaedah kitar semula.

Dato' Nik Mohd Kamel menjelaskan, kaedah dan teknologi penambakan seperti ini telah dilakukan secara meluas di Tianjin, China namun, belum pernah dilakukan di Malaysia. Justeru, pihak DNA bersama-sama dengan pasukan penyelidik yang diketuai oleh Prof. Sharifah Mastura akan menggembeling tenaga untuk menjayakan penyelidikan ini. Usaha ini dijangka mampu mengurangkan kos keseluruhan penambakan kerana sisa korekan tidak akan dibuang malah diguna semula.

UKM dan DNA sebelum ini pernah menjalin kolaborasi dalam pelbagai projek penyelidikan dan khidmat rundingan seperti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di pesisiran pantai dan kawasan sensitif alam sekitar yang bernilai tinggi. Hubungan kerjasama yang erat ini tidak hanya melibatkan projek dalam negara, tetapi juga projek berstatus antarabangsa.